



UKM kini berada dikedudukan ke-129 dunia dan ke-3 di Malaysia.

UKM IPTA ke-3 terbaik di Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kini berada dalam kalangan sembilan peratus universiti terbaik di dunia melalui penarafan yang dikeluarkan QS World University Rankings (QS WUR) 2023 yang diumumkan, khamis lalu.

Kejayaan itu menunjukkan UKM kini berada dikedudukan ke-129 dunia, naik 15 anak tangga berbanding kedudukan ke-144 pada tahun lepas.

Kejayaan itu juga meletakkan UKM berada di kedudukan ke-3 Malaysia selepas Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.

Sejak tahun 2014, UKM sudah melonjak 140 anak tangga dan sepanjang 10 tahun penilaian dibuat, universiti itu meningkat kedudukannya sebanyak tujuh kali.

Berdasarkan enam indikator yang dinilai iaitu reputasi akademik (40 peratus), reputasi majikan (10 peratus), nisbah pelajar:pensyarah (20 peratus), nisbah sitasi:pensyarah (20 peratus), pensyarah antarabangsa (5 peratus) dan pelajar antarabangsa (5 peratus), nisbah pelajar:pensyarah mencatatkan kedudukan ke-70 dunia.

Dalam kenyataan media yang dikeluarkan Naib Canselor, Prof Datuk Ts Dr Mohd Ekhwan Toriman



DR Mohd Ekhwan

berkata, penilaian itu dibuat berdasarkan sistem dan proses yang teratur, disusun dari segi strategi serta impaknya adalah kepada universiti dan masyarakat.

“UKM tidak mungkin boleh berada di aras ini jika tidak kerana kesungguhan seluruh warga univesiti, semangat Kerjasama, strategik serta berfikiran di luar kotak.

“Paling utama, implikasi kepada lemakuran masyarakat dan pemegang taruh,” katanya.

Dr Mohd Ekhwan berkata, kerja keras yang ditunjukkan oleh seluruh warga UKM yang memahami citra universiti watan itu sduah membawa naratif berbeza kejayaan UKM dalam penarafan QS WUR 2023.

“Apa yang penting bukan ranking dan rating tetapi manifestasi daripada kejayaan UKM untuk terus melonjak ke aras lebih tinggi dan diiktiraf oleh penilaian antarabangsa,” katanya.